

11/12/2003

Ketelusan Pak Lah meneruskan kesinambungan kemakmuran

Misiah Taib

TANPA perlu melafazkan kata-kata retorik, bombastik dan berdegar-degar, dalam tempoh 40 hari mengambil alih pucuk pentadbiran negara, beliau telah membuktikan kewibawaan kepemimpinannya.

Hala tuju beliau jelas, mahu merapatkan lagi jurang antara kerajaan dan rakyat, memilih pendekatan mesra rakyat serta mahu membentuk Malaysia yang bukan saja lebih cemerlang, malah lebih gemilang.

Jelas dengan berlatarbelakangkan agama, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilihat sebagai lebih menjurus ke arah satu era `muhasabah diri' iaitu memandang ke dalam diri setiap rakyat serta membangunkan rohaniah mereka.

Bermula dengan mukadimah mengajak seluruh lapisan rakyat bekerja bersama beliau pada hari pertama menerajui negara, kini Perdana Menteri kelima itu mengakui beliau adalah hamba nombor satu.

Malah, beliau yang lebih mesra dengan panggilan Pak Lah mengakui hanya akan melakukan perubahan dasar kerajaan jika diperlukan, bukan untuk kebanggaan peribadi semata-mata.

"Saya hamba nombor satu yang berkhidmat untuk negara ini dan menentukan bahawa segala-galanya dilaksanakan dengan baik dan cekap supaya ia dapat memberi manfaat kepada rakyat dan negara," katanya.

Kenyataan cukup bersahaja ini dilafazkan dalam temubual dengan wakil media Jepun baru-baru ini, namun dalam bersahaja kenyataan beliau itu amat mengesankan dan menyentuh hati rakyat.

Biar nampak bersahaja dan tanpa perlu bercakap secara retorik, bombastik atau berdegar-degar, sebenarnya kenyataan beliau cukup tegas dan membawa makna cukup besar.

Memetik kata-kata hikmah Longfellow: "Bersahajalah dalam bertabiat, dalam kebiasaan dan dalam bergaya. Dalam segala hal, kesederhanaanlah yang paling baik".

Tidak hairanlah penganalisis politik menganggap Pak Lah sebagai seorang pemimpin yang mengamalkan kesederhanaan seperti yang dituntut oleh Islam dan seorang pemimpin yang berjiwa rakyat.

Penganalisis politik yang juga Pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM) Prof Datuk Dr Ramlah Adam, menyifatkan Pak Lah sebagai tegas dalam bersahaja serta sentiasa membuat keputusan yang memang dinantikan oleh rakyat.

"Keputusan beliau dalam menangani pelbagai isu seperti rasuah, nahas jalan raya, isu sosial dan ekonomi, selain isu pentadbiran, amat dinantikan-nantikan oleh semua.

"Malah, saya juga menganggap pembebasan 14 bekas ahli Pertubuhan Persaudaraan Ilmu Dalam al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) sehari sebelum Aidilfitri sebagai satu lagi keputusan pucuk kepimpinan negara yang amat menyentuh hati rakyat, khususnya keluarga mereka," katanya.

Bagi Prof Dr Ramlah, Pak Lah mempamerkan sikap telus dan berterus terang serta tidak cuba menunjukkan beliau lebih hebat berbanding orang lain.

"Selalunya orang menganggap pengganti itu sebagai lebih baik dan lebih menonjol apabila mereka melakukan perubahan drastik.

"Tapi Pak Lah selaku pengganti Tun Dr Mahathir Mohamad, seorang yang bersikap telus dan tidak bersikap terburu-buru. Beliau memilih untuk mengekalkan dasar yang baik dan hanya akan melakukan perubahan jika perlu.

"Ini membuktikan Pak Lah amat berhati-hati, mengutamakan kesejahteraan rakyat dan bukan seorang pemimpin `syok sendiri' atau mahu menunjukkan kuasa. Hala tuju beliau jelas dan baik demi keharmonian dan kemakmuran

negara," katanya.

Pengalaman dalam pentadbiran negara, termasuk sebagai pegawai tadbir sebelum memegang portfolio penting di Kementerian Pendidikan, Pertahanan dan Kementerian Luar, seterusnya selaku Timbalan Perdana Menteri, sebenarnya cukup memantapkan beliau sebelum menjadi ketua kerajaan.

Beliau sudah cukup berpengalaman dalam merancang pembangunan negara dan bukan orang baru dalam pentadbiran. Beliau cukup berhati-hati kerana beliau lebih tahu dasar mana yang perlu dikekalkan dan yang mana perlu diubah mengikut keperluan semasa.

Ia juga membuktikan sikap rasional dan sederhana Pak Lah yang hanya akan melakukan perubahan ke arah kebaikan dan bukan kerana suka-suka atau kerana hendak menunjuk kuasa.

"Pak Lah sebenarnya sangat bertimbang-timbang dalam membuat keputusan. Beliau tidak menganggap posisi Perdana Menteri sebagai penuh glamour, sebaliknya menganggap dirinya sebagai hamba nombor satu.

"Inilah sikap pemimpin yang benar-benar bertanggungjawab dalam menjamin nasib bangsa, agama dan negara," kata Prof Dr Ramlah.

Sesungguhnya kata beliau, nasib malang banyak negara yang huru-hara akibat sikap pemimpin yang tidak bertanggungjawab, melaksanakan idea terlalu fantastic sehingga sukar dilaksanakan dan bersikap terlalu emosi perlu dijadikan iktibar.

Penganalisis politik antarabangsa, Abdul Razak Baginda, menyifatkan kenyataan terkini Perdana Menteri itu sebagai membuktikan bahawa beliau adalah seorang pemimpin 'mesra rakyat' dan mengutamakan kepentingan rakyat.

Beliau yang juga Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategi Malaysia (MSRC) berkata, kenyataan Pak Lah itu juga menggambarkan bahawa kerajaan bersedia mendengar suara dan rintihan rakyat.

Pendekatan Pak Lah juga beliau lihat sebagai lebih menjurus ke arah merapatkan lagi jurang antara pemimpin dan rakyat.

Dari segi dasar menjadi hak Pak Lah sebagai Perdana Menteri untuk mengekalkan, merangka atau mengubah sesuatu dasar demi kebaikan rakyat, agama, bangsa dan negara.

Abdul Razak berpendapat pendirian Pak Lah amat tepat kerana sesuatu dasar sememangnya tidak boleh dikekalkan untuk selama-lamanya, terutama dasar luar negara dan ekonomi, yang perlu dirangka berdasarkan keperluan semasa.

"Betul kata Pak Lah, tidak ada apa yang terpacat sehingga tidak boleh diubah. Dasar juga perlu diubah mengikut keperluan. Kalau dasar tak sesuai maka Pak Lah mempunyai kuasa sepenuhnya untuk mengubah dasar berkenaan.

"Sebagai Perdana Menteri, beliau lebih tahu apa perlu diubah dan ditukar. Beliau lebih tahu apayang lebih baik untuk rakyat dan negaranya," katanya.

Apa pun sama ada Pak Lah mahu meneruskan, mengubah atau memperkenalkan dasar baru, ia adalah hak beliau sebagai ketua kerajaan.

Yang jelas, beliau amat berhati-hati dalam apa juga tindakan - 'seperti menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berselerak'.

Sikap berhati-hati tetapi tegas Pak Lah dalam melaksanakan dasar pemerintahan negara meningkatkan keyakinan semua bahawa di bawah era beliau, bukan saja negara akan bertambah aman dan makmur, malah keyakinan pelabur juga dijangka terus meningkat.